

**NILAI ANUGERAH *FELLOWSHIP* NAIB CANSOLOR (AFNC) 2025
KATEGORI PEMBANGUNAN PELAJAR**

1. Pemenang anugerah akan menerima Geran *Fellowship* bernilai **RM5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja)** berserta trofi.
2. Syarat dan tujuan penggunaan Geran *Fellowship* adalah seperti berikut:
 - a) digunakan untuk apa-apa perbelanjaan* bagi menghadiri seminar/ konferens/ bengkel/ lawatan ke universiti terkemuka atau agensi berkaitan di dalam atau di luar negara;
 - b) perbelanjaan mengikuti kursus/latihan pensijilan profesional;
 - c) pemenang boleh membawa bersama staf/pelajar UPM yang berada dalam pasukan penyelidikan/pentadbiran yang sama dan terlibat secara langsung dalam projek yang dikendalikan oleh pemenang;
 - d) pembelian aset/inventori bagi tujuan pengajaran/penyelidikan/perundingan/perkhidmatan pemenang sahaja dan ianya perlu direkod sebagai aset/inventori PTJ/universiti;
 - e) geran yang diterima tidak boleh ditukar milik/tukar kepada bentuk wang tunai dan pemenang yang meletak jawatan sebelum tempoh kelayakan penggunaan geran, maka geran atau baki geran akan luput;
 - f) lanjutan tempoh kelayakan penggunaan geran hanya boleh dipertimbangkan hanya jika pemenang telah diluluskan cuti/latihan jangka masa sederhana dan panjang lain oleh universiti **sebelum majlis berlangsung**. Tempoh lanjutan adalah bersamaan tempoh cuti/latihan yang telah diluluskan oleh universiti.

** perbelanjaan adalah merangkumi elaun sara hidup, tiket penerbangan, yuran, loging/hotel selagi mana tidak melebihi jumlah geran yang telah diluluskan.*
3. Tempoh sah laku Geran *Fellowship* adalah selama **dua belas (12) bulan selepas tarikh majlis**. Penerima anugerah yang gagal menggunakan geran yang diperolehi dalam tempoh yang telah ditetapkan, maka geran tersebut akan dianggap terbatal dengan sendirinya.
4. Geran *Fellowship* tidak boleh digunakan selepas pegawai bersara wajib/pilihan atau tamat tempoh perkhidmatan kontrak. Bagi pemenang yang bersara atau tamat tempoh kontrak pada tahun anugerah diterima, geran tersebut hendaklah digunakan sebelum pegawai bersara wajib/pilihan atau tamat tempoh perkhidmatan kontrak.